

Headline	Periksa sistem pendawaian elektrik		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	17 Jun 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,744
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,233



# Periksa sistem pendawaian elektrik

Mampu elak kebakaran kediaman, bangunan perniagaan



Azlimin memeriksa keadaan sistem penggera keselamatan di Mydin Mall Gong Badak.

KUALA NERUS - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Terengganu menekankan kepada orang ramai terutamanya pemilik bangunan untuk memberi perhatian lebih serius terhadap aspek pendawaian elektrik yang betul bagi mengurangkan risiko kebakaran.

Penekanan itu dibuat, susulan hasil siasatan terhadap kes kebakaran yang berlaku sebelum ini mendapati kebanyakannya berpunca daripada penyambung elektrik tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

Pengarahnya, Azlimin Mat Noor berkata, secara keseluruhan sebanyak 622 kes kebakaran berlaku di seluruh negeri sejak awal Januari lalu hingga kini.

"Daripada jumlah itu kebakaran bangunan paling tinggi direkodkan iaitu melibatkan 64 premis atau

bangunan. Lain-lain kes membabitkan kebakaran kediaman, hutan dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika membuat Pemeriksaan Premis Sempena Perayaan di Mydin Mall Gong Badak, di sini, semalam.

Menurutnya, dalam tempoh tiga minggu Ramadan sebanyak 46 kes kebakaran telah berlaku.

"Paling membimbangkan adalah melibatkan kebakaran bangunan iaitu sebanyak lapan kes direkodkan berbanding enam pada tahun lalu.

"Hasil siasatan daripada keseluruhan kes yang telah direkodkan itu, kita mendapati kebanyakan kebakaran yang berlaku ini berpunca daripada penyalahgunaan atau kecuai dalam aspek pendawaian elektrik," katanya.